



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO	
TARIKH	:	26/4/2019	MUKA SURAT
JABATAN	:	SPAN	6
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

4,143,465 pengguna lega kerja-kerja penambahbaikan LRA SSP2 ikut jadual

Bekalan air Lembah Klang pulih

Oleh NOR IDAYU BOSRO

CYBERJAYA – Bekalan air di kawasan terlibat di Lembah Klang dijangka pulih secara berperingkat-peringkat bermula petang semalam selepas kerja-kerja penambahan baikan di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2) siap dilaksanakan pada pukul 11 malam kelmarin.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Charles Santiago berkata, kerja-kerja penambahbaikan melalui penggantian komponen paip dan peralatan elektrik itu menepati tempoh jangkaan ditetapkan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) dan SPAN.

"LRA SSP2 kini sedang dalam tempoh pemulihan dan pengoperasian semula yang dijangka mengambil masa sekitar 24 jam. "Bekalan air dijangka pulih secara berperingkat-peringkat bermula petang ini (semalam)

bergantung kepada lokasi sebagaimana dijadualkan Syabas sebelum ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Charles, SPAN akan terus memantau secara rapi sepanjang tempoh henti tugas dan pengoperasian semula loji daripada awal kerja dimulakan sehingga ke tempoh pemulihan.

"Ini bagi memastikan bekalan air kembali dinikmati pengguna berdasarkan jadual yang dikeluarkan sebelum ini," katanya.

Kosmo' sebelum ini melapor

meningkatkan paras kolam perkhematan serta menstabilkan tekanan dan aliran pada sistem agihian masih sedang giat dijalankan.

"Proses pemulihan beka-

lan air akan diadakan secara berperingkat-peringkat dan berbeza dari satu kawasan ke kawasan lain bergantung pada lokasi geografi dan alirud

premis pelanggan," katanya.



KERATAN Kosmo/20 April 2019.



WARGA kota membuat persiapan awal dengan membeli tong air untuk menghadapi ketiadaan bekalan air selama 86 jam bermula 24 April lalu.

– Gambar Hasan

lan air sehingga selama 86 jam di 577 kawasan di Kuala Lumpur dan Selangor susulan kerja-kerja penambahbaikan perkakasan

kritisal sistem bekalan elektrik di LRA SSP2 pada 24 April lalu. Henti tugas LRA SSP2 itu akan menyebabkan gangguan

bekalan air kepada kira-kira 4,143,465 pengguna di kawasan terkenan iaitu Klang, Shah Alam, Petaling, Gombak, Kuala Lumpur, Kuala Langat dan Kuala Selangor.

Sementara itu, Syabas melaui satu kenyataan akbar memaklumkan LRA SSP2 telah beroperasi sepenuhnya dan pemulihran bekalan air secara berperingkat-peringkat sedang berlangsung.

"Berdasarkan pemantauan di tapak, beberapa kawasan telah mula mendapat bekalan air sejak awal pagi manakala proses meningkatkan paras kolam perkhematan serta menstabilkan tekanan dan aliran pada sistem agihian masih sedang giat dijalankan.

"Proses pemulihan bekalan air akan diadakan secara berperingkat-peringkat dan berbeza dari satu kawasan ke kawasan lain bergantung pada lokasi geografi dan alirud premis pelanggan," katanya.